

NO SOALAN :74

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DR. KO CHUNG SEN
(KAMPAR)**
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 18.05.2016

Y.B. DR. KO CHUNG SEN [KAMPAR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

- a. sumber dan jumlah hasil 1MDB pada tahun 2015 dan jumlah hasil yang diklasifikasikan sebagai pembekalan bercukai dan pembekalan tanpa cukai di bawah Akta GST; dan
- b. berapakah keluasan tanah di Tun Razak Exchange dan Bandar Malaysia yang diklasifikasikan sebagai komersial dan kediaman masing-masing, dan sama ada plot tanah yang dijual kepada Tabung Haji diklasifikasikan sebagai komersial atau kediaman.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman dewan yang mulia ini, 1MDB adalah syarikat yang berdaftar untuk GST dengan tarikh kuatkuasa pendaftaran pada 1 Mei 2016.

Tuan Yang Dipertua,

Berikut adalah maklumat klasifikasi penggunaan tanah di Tun Razak Exchange (“TRX”) berdasarkan kelulusan terakhir Kebenaran Merancang yang dikeluarkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (“DBKL”) pada 8 Julai 2015:

NO.	KLASIFIKASI	LUAS (EKAR)
1.	Komersial	44.83
2.	Kediaman (pangsapuri servis)	10.21
3.	Lain-lain (kawasan lapang, infrastruktur & utiliti)	15.53
	JUMLAH KELUASAN	70.57

Satu plot tanah TRX yang telah dijual kepada Lembaga Tabung Haji adalah tanah untuk pembangunan kediaman (pangsapuri servis) sahaja.

Tuan Yang Dipertua,

Perancangan pelan induk Bandar Malaysia buat masa ini adalah di

peringkat awal di mana kelulusan Kebenaran Merancang bersyarat telah dikeluarkan oleh DBKL pada 21 Disember 2015. Merujuk kepada kelulusan tersebut, sejumlah 354 ekar daripada jumlah keseluruhan 480 ekar tanah adalah untuk tujuan pembangunan manakala selebihnya adalah untuk kegunaan kawasan lapang, infrastruktur dan utiliti. Apabila keseluruhan pembangunan bandar Malaysia ini siap kelak, ia dijangka akan mempunyai keluasan ruang lantai kasar (“GFA”) bangunan berjumlah 85 juta kaki persegi di mana 40% daripada jumlah GFA tersebut diperuntukkan untuk kegunaan kediaman.